

5843

PARLIMEN-BIASISWA

1975

KUALA LUMPUR, 8 APRIL (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA LANGKAH-LANGKAH SEDANG DIAMBIL UNTUK MEMPERCEPATKAN PEMBAYARAN BIASISWA KEPADA PELAJAR-PELAJAR DI BRITAIN DAN EIRE.

KATANYA, JABATAN PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI LONDON MENGURUSKAN KIRA-KIRA 2,000 ORANG YANG MENUNTUT DI BEBERAPA UNIVERSITI, KOLEJ DAN POLITEKNIK DI KEDUA NEGARA TERSEBUT.

PELAJAR-PELAJAR ITU MENERIMA BIASISWA DARI LEBIH 20 BUAH BADAN TERMASUK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MARA, KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI, LEMBAGA LETRIK NEGARA, INSTITIUT TEKNOLOGI KEBANGSAAN DAN KERETARI TANAH MELAYU.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DALAM JAWAPAN BERTULIS KEPADA ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA) YANG INGIN TAHU LANGKAH KERAJAAN UNTUK MEMBAIKI KELAMBATAN PEMBAYARAN BIASISWA TERSEBUT.

MENTERI ITU BERKATA HASIL DARI PERJUMPAAN DENGAN BADAN-BADAN YANG MENGEJARKAN BIASISWA, MEREKA TELAH DIMINTA SUPAYA WANG PENDAHULUAN YANG MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARI BIASISWA PELAJAR DIBAYAR KEPADA KEMENTERIAN UNTUK MEMPERCEPATKAN BAYARANNYA KEPADA PELAJAR YANG BERKENAAN -- BERSAMBUNG 1620/ZCM

106

5904

PARLIMEN-BIASISWA 2-KUALA LUMPUR

SELAIN DARI ITU JABATAN PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA JUGA SEDANG BERUSAHA MENGENDALIKAN PEMBAYARAN BIASISWA KEPADA PARA PELAJAR DENGAN SEBERAPA SEGERA.

MENJAWAB SOALAN BERTULIS ENCIK OH KENG SENG (DAP-PETALING) DR. MAHATHIR BERKATA PIHAKNYA SEDANG MENGAJUI RAYUAN KESATUAN SEKERJA KAKITANGAN MAKMAL SUPAYA ELAUN DOBI DIBAYAR KEPADA ATTENDAN-ATTENDAN MULAI 25 OKTOBER 1974 IAITU TARIKH PERSETUJUAN PEMBAYARAN ELAUN ITU DIBUAT.

SETAKAT INI KERAJAAN HANYA SETUJU MEMBAYAR ELAUN ITU MULAI DARI 1 OKTOBER 1974 DAN BUKAN MULAI 1 OGOS 1969.

MENJAWAB HAJI SHAFIE BIN HAJI ABDELLEH (BN-BALING) MENTERI ITU BERKATA LEBIH RAMAI PELAJAR BUMI PUTERA MENGAMBIL KURSUS SASTERA DARI SAINS DI UNIVERSITI-UNIVERSITI KERANA BUMI PUTERA YANG BERKELAYAKAN MENGIKUTI KURSUS ADALAH SEDIKIT SAHAJA.

WALAU BAGAIMANAPUN, LANGKAH-LANGKAH TELAH DIAMBIL UNTUK MEMBANYAKKAN LAGI BILANGAN MEREKA ITU. -- BERNAMA 1635/ZCM